

Kem suntik semangat JATI DIRI



Mengeratkan hubungan mereka yang baru melangkah ke alam pengajian tinggi

Teks dan Gambar
Samsudin Awang

PERKHEMAHAN bina semangat berpasukan Brigid Siswa Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem), Kampus Gambang di Taman Pertanian Jubli Perak Sultan Ahmad Shah, Kuantan, baru-baru ini bukan saja menyuntik semangat jati diri dan sahsiah pelajar, malah mengikis sifat angkuh di kalangan mereka.

Perkemahan dua hari itu adalah aktiviti wajib 250 pelajar Tahun Satu Kuktem terbahagi dalam mengeratkan hubungan di samping memupuk semangat kerjasama di antara mereka yang baru melangkah ke alam pengajian tinggi.

Ia dianjurkan secara empat sesi pada setiap cuti hujung minggu yang mana semua 250 penuntut tahun satu dibahagikan kepada kumpulan kira-kira 70 peserta untuk mengikuti sesi perkhemahan berkenaan.

Bagi setiap sesi, peserta terdiri daripada 45 pelajar lelaki dan 20 pelajar perempuan dipecahkan kepada 10 kumpulan yang ditempatkan di dalam satu kawasan perkhemahan.

Peserta mengikuti latihan fizikal yang dikendalikan oleh lapan jurulatih taman pertanian meliputi latihan abseiling, membaca kompas, berjalan malam (aktiviti 'burung hantu'), merentas halangan dan diakhiri dengan ceramah motivasi untuk mengikis sifat angkuh.

Penyelaras Kokurikulum Kuktem, Mohd Azam Muhammad Akhir, berkata, Brigid Siswa adalah satu daripada tujuh subjek kokurikulum yang ditawarkan di Kuktem dan dinilai sebagai sebahagian daripada pengajian penuntut Kuktem.

Anggota Brigid Siswa diwajibkan mengikuti empat modul latihan sebelum ia dikira lengkap iaitu kawad kaki, asas pertolongan cemas, ujian fizikal dan akhirnya mereka mengikuti perkhemahan.

Ia bertujuan membentuk keperibadian penuntut yang lebih



GHAZALI...kikis keangkuhan.



NORHANISAH...semangat baru.



ZUHAILI...aktif luar kampus

berdisiplin, bermotivasi tinggi dan mempunyai daya ketahanan mental serta fizikal untuk menjadi seorang penuntut Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berjaya.

Jurulatih fizikal, Nor Azazi Mamat, 23, berkata semua peserta menunjukkan semangat yang tinggi dalam setiap latihan.

"Bagaimanapun, ada peserta yang terhalang oleh kemampuan fizikal mereka untuk menjalani latihan merempuh halangan seperti memanjat tembok, abseiling dan berenang," katanya.

Menurutnya, objektif utama dalam semua bentuk latihan kepada peserta adalah untuk menanam semangat kerjasama sepasukan yang mana kebanyakan halangan hanya mampu dilepasi sekiranya mereka membantu antara satu sama lain dan bukan secara individu.

Peserta, Mohamad Ghazali Ramli, 20, berkata program itu mampu mengikis rasa bangga diri dalam setiap individu yang merasakan mereka sudah baik kerana berjaya menjejakkan kaki ke IPTA.

"Selepas bercampur dan ber-



AZAM...penyelaras kokurikulum.

interaksi bersama rakan, saya dapat menilai kemampuan diri sendiri selepas melihat kehebatan rakan lain sama ada dari segi kekuatan fizikal atau idea yang dihasilkan," katanya.

Rakannya, Mohd Zuhaili Mohd Zahid, 19, menyifatkan

Brigid Siswa sebagai subjek kokurikulum berkesan bagi dirinya kerana ia tidak tertumpu kepada pengisian secara teori sahaja.

Bagi Amizah Abdul Kahar, 19, kemampuan fizikal untuk melepasi setiap latihan mungkin berbeza bagi setiap peserta, namun apa yang lebih penting adalah semangat kerjasama antara peserta.

"Semangat berpasukan, setia kawan dan tolak ansur mampu mengikis ciri-ciri keperibadian negatif kerana sepanjang program ini semua peserta adalah sama taraf dengan satu sasaran untuk melepasi setiap modul latihan," katanya.

Rakan sepasukannya, Norhanisah Zubir, 18, berkata dia seolah-olah mendapat satu suntikan semangat baru untuk meneruskan pengajian dengan penuh azam.